



Maybank
Islamic



Maybank

Kempen Ganjaran Kiriman Wang PKS/Pemilik Tunggal 2025– Terma dan Syarat

Kempen Ganjaran Kiriman Wang PKS/Pemilik Tunggal 2025 (**"Kempen"**) ini dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (200701029411) (secara bersama dirujuk sebagai **"Maybank"**) dan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 1C di bawah) dengan ini bersetuju secara nyata untuk terikat kepada semua terma dan syarat yang dinyatakan di sini, dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.

1. Kelayakan

- A. Kempen ini terbuka kepada pelanggan Maybank yang terdiri daripada Pemilik Tunggal dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang mempunyai dokumen pengenalan yang sah seperti Pendaftaran Perniagaan. Kempen ini tidak terbuka kepada pelanggan individu runcit.
- B. Pekerja semasa Maybank dan kumpulan syarikatnya TIDAK LAYAK untuk menyertai Kempen ini.
- C. Semua pelanggan yang telah memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Klausula 1A di atas serta telah berjaya melaksanakan Transaksi Layak akan selepas ini dirujuk sebagai **"Pelanggan yang Layak"**. Pelanggan yang Layak akan layak secara automatik untuk menyertai Kempen ini.

2. Mekanisme Kempen

- A. Kempen ini akan diadakan dari 25 November 2025 pada jam 12.00:00 tengah malam (MYT) hingga 28 Februari 2026 pada jam 11.59:59 malam (MYT) [termasuk kedua-dua tarikh] (**"Tempoh Kempen"**).
- B. Kempen ini hanya sah bagi transaksi kiriman wang ke luar negara yang dibuat melalui Pemindahan Telegrafik Asing atau Pemindahan Wang ke Luar Negara dalam aplikasi MAE, laman web Maybank2u, aplikasi Maybank2u Biz, atau laman web Maybank2u Biz (**"Perkhidmatan & Saluran yang Layak"**). Sebarang transaksi yang dibuat di luar saluran tersebut tidak akan diambil kira atau dipertimbangkan bagi tujuan Kempen ini.
- C. Kempen ini sah untuk akaun Maybank yang didaftarkan di Malaysia sahaja.
- D. Kempen ini hanya sah bagi transaksi kiriman wang ke luar negara berjumlah RM50,000.00 dan ke atas bagi setiap satu transaksi. Sebarang transaksi yang bernilai kurang daripada RM50,000.00 tidak akan diambil kira atau dipertimbangkan bagi tujuan Kempen ini.
- E. Semua transaksi yang telah memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Klausula 2B, 2C dan 2D di atas akan selepas ini dirujuk sebagai **"Transaksi yang Layak"**.
- F. Mekanisme Kempen dinyatakan dalam **Jadual 1**.



Kempen Ganjaran Kiriman Wang PKS/Pemilik Tunggal 2025– Terma dan Syarat

Jadual 1: Mekanisme Kempen

Pelanggan yang Layak	Perkhidmatan & Saluran yang Layak	Amaun Kelayakan bagi Setiap Transaksi	Mekanisme
Pelanggan Pemilik Tunggal dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Maybank	Pemindahan Telegrafik Asing atau Pemindahan Wang ke Luar Negara melalui: • Aplikasi MAE • Laman web Maybank2u • Aplikasi Maybank2u Biz • Laman web Maybank2u Biz	RM50,000 dan ke atas	Pelanggan yang Layak yang melaksanakan Transaksi yang Layak akan berpeluang untuk memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM2,000.00 ("Hadiah"). Setiap Transaksi yang Layak akan melayakkan Pelanggan yang Layak menerima satu (1) entri dalam cabutan bertuah. Tiada had maksimum bagi jumlah entri yang boleh diterima. Sebanyak sepuluh (10) pemenang akan dipilih melalui sistem cabutan rawak untuk memenangi Hadiah, dengan kehadiran saksi-saksi yang akan memerhati dan mengesahkan ketelusan serta keadilan proses cabutan tersebut. Saksi-saksi tersebut hendaklah mengesahkan bahawa proses pemilihan telah dijalankan mengikut peraturan dan ketetapan Kempen. Setiap Pelanggan yang Layak hanya berhak menerima maksimum satu (1) Hadiah sepanjang Tempoh Kempen.



Kempen Ganjaran Kiriman Wang PKS/Pemilik Tunggal 2025– Terma dan Syarat

G. Contoh / senario kelayakan hadiah diperincikan dalam **Jadual 2**.

Jadual 2: Senario

Senario	Kelayakan Hadiah
Pelanggan PKS telah melaksanakan satu (1) transaksi kiriman wang ke luar negara melalui Pemindahan Telegrafik Asing dalam aplikasi MAE berjumlah RM80,000.00 pada 31 Disember 2025.	Pelanggan layak menerima satu (1) entri dalam cabutan bertuah. Pelanggan telah melaksanakan Transaksi yang Layak melalui Perkhidmatan & Saluran yang Layak dengan jumlah melebihi RM50,000.00 dalam Tempoh Kempen.
Pelanggan Pemilik Tunggal telah melaksanakan satu (1) transaksi kiriman wang ke luar negara melalui Pemindahan Telegrafik Asing dalam aplikasi MAE berjumlah RM49,999.99 pada 25 Disember 2025.	Pelanggan tidak layak untuk menerima entri dalam cabutan bertuah. Jumlah transaksi pelanggan adalah kurang daripada RM50,000.00 dan oleh itu tidak memenuhi kriteria bagi Transaksi yang Layak.
Pelanggan PKS telah melaksanakan satu (1) transaksi kiriman wang ke luar negara melalui Pemindahan Telegrafik Asing dalam aplikasi MAE berjumlah RM80,000.00 pada 17 November 2025. Pelanggan PKS turut melaksanakan satu (1) transaksi kiriman wang ke luar negara melalui Pemindahan Telegrafik Asing dalam aplikasi MAE berjumlah RM60,000.00 pada 18 Disember 2025. Pelanggan PKS telah melaksanakan satu (1) transaksi kiriman wang ke luar negara melalui Pemindahan Telegrafik Asing dalam aplikasi MAE berjumlah RM29,000.00 pada 29 Januari 2026.	Pelanggan layak menerima dua (2) entri dalam cabutan bertuah. Pelanggan telah melaksanakan sejumlah tiga (3) transaksi. Transaksi pertama dan kedua pelanggan telah dilaksanakan melalui Perkhidmatan & Saluran yang Layak, dengan jumlah melebihi RM50,000.00, serta dalam Tempoh Kempen. Jumlah transaksi ketiga pelanggan adalah kurang daripada RM50,000.00 dan oleh itu tidak memenuhi kriteria bagi Transaksi yang Layak.
Pelanggan PKS telah melaksanakan satu (1) transaksi kiriman wang ke luar negara di cawangan Maybank secara kaunter (Over-the-Counter, OTC) berjumlah RM80,000.00 pada 31 Disember 2025.	Pelanggan tidak layak untuk menerima entri dalam cabutan bertuah. Pelanggan tidak melaksanakan transaksi tersebut melalui Perkhidmatan & Saluran yang Layak dan oleh itu tidak memenuhi kriteria bagi Transaksi yang Layak.
Pelanggan Pemilik Tunggal telah melaksanakan satu (1) transaksi kiriman wang ke luar negara melalui Pemindahan	Pelanggan tidak layak untuk menerima entri dalam cabutan bertuah.



Kempen Ganjaran Kiriman Wang PKS/Pemilik Tunggal 2025– Terma dan Syarat

Telegrafik Asing dalam aplikasi MAE berjumlah RM80,000.00 pada 21 Mac 2026.	Pelanggan telah melaksanakan transaksi tersebut selepas Tempoh Kempen.
Pelanggan Individu telah melaksanakan satu (1) transaksi kiriman wang ke luar negara melalui Pemindahan Telegrafik Asing dalam aplikasi MAE berjumlah RM80,000.00 pada 31 Disember 2025.	Pelanggan tidak layak untuk menerima entri dalam cabutan bertuah. Hanya pelanggan PKS dan Pemilik Tunggal sahaja yang layak untuk menyertai kempen ini.

3. Pemenuhan Hadiah

- A. Maybank berhak, mengikut budi bicara mutlak, untuk menggantikan hadiah dengan mana-mana barangan lain yang mempunyai nilai pasaran yang setara, dengan memberikan notis awal selama tiga puluh (30) hari kepada Pelanggan yang Layak melalui pemberitahuan automatik daripada aplikasi MAE dan/atau Mel Elektronik Langsung (Electronic Direct Mail, EDM), atau mana-mana kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank.
- B. Maybank akan mengenal pasti para Pemenang dan mengkreditkan Hadiah dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas tamat Tempoh Kempen. Hadiah tersebut akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa Maybank berdaftar milik Pemenang.
- C. Pemenang mungkin akan dihubungi oleh Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank untuk tujuan pengesahan. Maybank berhak untuk meminta sebarang dokumen atau bukti pengenalan diri, umur, dan tempat kediaman daripada mana-mana Pemenang. Pemenang hendaklah memastikan maklumat perhubungan mereka adalah tepat dan terkini dengan menyemak serta mengemas kini maklumat berdaftar melalui aplikasi MAE, laman web Maybank2u, aplikasi Maybank2u Biz, atau laman web Maybank2u Biz. Sekiranya Pemenang tidak dapat dihubungi disebabkan oleh maklumat yang tidak tepat dan/atau sudah lapuk, Maybank berhak untuk memilih Pemenang gantian bagi Kempen ini.
- D. Sebaik sahaja Hadiah dikreditkan, para Pemenang akan dimaklumkan secara bertulis melalui pemberitahuan automatik daripada aplikasi MAE dan/atau Mel Elektronik Langsung (Electronic Direct Mail, EDM), atau melalui mana-mana kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank, dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas Tempoh Kempen.
- E. Nama semua Pemenang berserta nombor NRIC atau BRN mereka (4 digit terakhir) boleh diterbitkan pada halaman promosi Kempen di <http://www.maybank2u.com.my> dan/atau melalui mana-mana kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank bagi tujuan ketelusan, setelah mendapat keizinan daripada Pemenang.
- F. Akaun Semasa Maybank berdaftar milik Pemenang mestilah tidak dorman atau ditutup pada masa Hadiah dikreditkan. Maybank berhak untuk membatalkan kelayakan dan melucutkan Hadiah sekiranya keadaan tersebut berlaku.



Kempen Ganjaran Kiriman Wang PKS/Pemilik Tunggal 2025– Terma dan Syarat

- G. Sekiranya Pemenang gagal mematuhi mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini, Maybank berhak untuk melucutkan Hadiah bagi Pemenang tersebut.

4. Terma & Syarat Am

- A. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u atau Maybank2e, dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
- B. Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan sah.
- C. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana terma dan syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- D. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini serta bersetuju dan memberikan kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank, yang boleh dilihat di www.maybank2u.com.my ("Penyata Privasi Maybank") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam Penyata Privasi Maybank dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan memberikan kebenaran agar data peribadi atau maklumat peribadi dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- i. tujuan Kempen; dan
- ii. aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau



Kempen Ganjaran Kiriman Wang PKS/Pemilik Tunggal 2025– Terma dan Syarat

media dalam talian dan media digital serta dalam Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.

Nota: "PDPA" merujuk kepada Personal Data Protection Act (2010) (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- E. Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejen-ejenjnya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuai atau pengabaian oleh Maybank.
- F. Maybank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- G. Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.
- H. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan Kempen ini, sila hubungi talian utama Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk mengemukakan e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my.